



**SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)
PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU
SESI NOVEMBER 2023
KOLEJ POLY-TECH MARA
KOTA BHARU**



PENDAFTARAN

- 1) **Saya telah memohon masuk ke Kolej Poly-Tech MARA Kota Bharu. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya menerima tawaran tersebut?**

Terdapat empat (4) langkah mudah bagi bakal pelajar untuk melengkapkan proses pendaftaran:

- Semakan permohonan kemasukan di laman web <http://application.kptm.edu.my/admission/>. Cetak Surat Tawaran dan Muat Turun Buku Panduan Pendaftaran di menu => **Review**.
- Menyemak dan mengemaskini maklumat penjaga di menu => **Guardian**.
- Membuat bayaran yuran pengesahan dan yuran pendaftaran (**RM400**) atas talian (online) di menu => **Payment**.
- Mendaftar secara atas talian (online) di laman web <https://eregister.kptm.edu.my/> pada **13 – 15 November 2023**. Rujuk FAQ Soalan 2 & Rujuk jawapan kepada soalan 2.

- 2) **Saya telah dimaklumkan oleh pihak kolej bahawa pendaftaran pelajar baharu dilaksanakan secara online. Bagaimanakah proses pendaftaran tersebut?**

Mendaftar masuk / melapor diri di Sistem EREGISTER (13 – 15 November 2023)

Langkah-langkah untuk mendaftar online / melapor diri online :

- Pelajar baharu yang telah membuat bayaran pengesahan perlu ke laman web <https://eregister.kptm.edu.my/> => **STUDENT LOGIN**
- Pelajar dikehendaki memasukkan **NO IC** dan **NO RUJUKAN SURAT TAWARAN** untuk login ke dalam sistem eregister.
- Klik **GO TO ENROLMENT PAGE**.
- Pelajar **WAJIB** memasukkan **nick name** serta mengemaskini **nombor telefon** dan **alamat emel peribadi**. Seterusnya klik **AGREE**.
- Seterusnya, pelajar perlu memuatnaik (*upload*) **snapshot IC (MYKAD)** dan **SIJIL/SLIP RESULT SPM (wajib)**. Kemudian, klik **SUBMIT**.
- Semak dan pastikan dokumen berjaya dimuatnaik dan boleh dibaca sepenuhnya. Selesai.

***Sebagai tujuan keselamatan, dokumen yang dimuatnaik perlu berpaling dengan tulisan “UNTUK KEGUNAAN KPTM SAHAJA”**

3) Bilakah tarikh saya perlu melapor diri di kampus & mendaftar asrama?

Tarikh melapor diri di kampus & daftar asrama ialah pada **17 November 2023 (Jumaat)**. Maklumat lanjut mengenai hari lapor diri di kampus adalah seperti berikut:

<u>Tarikh Lapor Diri di Kampus : 17 November 2023 (Jumaat)</u>	<u>Alamat:</u>
Masa : 8.30 pagi – 4.00 petang	KOLEJ POLY-TECH MARA KOTA BHARU
Tempat : BK17 & BK18 (Blok Akademik)	LEMBAH SIREH, SEKSYEN 17,
Pintu Masuk : Pintu pagar A (Tepi PLATINUM MALL)	15050 KOTA BHARU,
	KELANTAN

Makluman kemasukan melalui Pintu Pagar A

Kenderaan **TIDAK** dibenarkan masuk melalui Pagar A.

4) Bolehkah saya melapor diri selepas tarikh 17 November 2023?

Boleh, tetapi **tidak digalakkan** melapor diri **selepas** 17 November 2023. Pelajar yang lewat mendaftar akan ketinggalan info-info penting yang akan disampaikan pada hari melapor diri dan hari orientasi/induksi pelajar.

5) Bolehkah saya mendaftar jika kelayakan sebenar saya tidak memenuhi syarat kemasukan?

TIDAK BOLEH. Tawaran dengan sendirinya akan terbatal sekiranya anda tidak menepati syarat kemasukan ke KPTM.

6) Bolehkah saya mendaftar sedangkan saya tidak mengesahkan penerimaan tawaran pada tarikh yang ditetapkan seperti yang dikehendaki dalam surat tawaran.

Pendaftaran tanpa pengesahan penerimaan tawaran tertakluk kepada kekosongan dan budi bicara pihak pengurusan kolej.

7) Dokumen apakah yang diperlukan bagi melengkapkan proses pendaftaran?

Semua pelajar baharu perlu melengkapkan **dokumen/borang-borang pendaftaran** yang boleh didapati dalam **BUKU PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU**.

Borang-borang pendaftaran perlu dicetak. Pelajar perlu mengisi maklumat yang diperlukan dan sertakan dokumen seperti yang dinyatakan dalam borang-borang tersebut.

Dokumen tersebut perlu diserahkan pada 20 - 21 November 2023 (Isnin-Selasa) di kaunter yang akan dimaklumkan kemudian.

Berikut adalah **SENARAI SEMAK (DOKUMEN YANG DIPERLUKAN)**:

1. Dokumen Pendaftaran Kediaman

Bil	Perkara	Nombor Rujukan Borang
1	Aku Janji Penginapan Kediaman	BHEP.PS.01.08-01

2. Dokumen Pendaftaran & Rekod

Bil	Perkara	Catatan
1	Set 1	Perlu diisi dan dilengkapkan oleh SEMUA PELAJAR dan diserahkan semasa pendaftaran

3. Dokumen Pendaftaran Kewangan & Tajaan

Bil	Perkara	Catatan / Rujukan Borang
1	Set 2	Menyediakan dokumen sokongan bagi pelajar yang layak memohon Pinjaman Pelajaran MARA/PTPTN
2	Resit Bayaran	Cetak dan simpan resit bayaran sebagai bukti.
3	Surat Akuan Pembiayaan Pelajar (KPTMSB.JKEW.PS.AKP.04.01-00)	Perlu diisi dan dilengkapkan oleh SEMUA PELAJAR dan diserahkan semasa pendaftaran.

8) Bagaimanakah jika saya ada masalah berkaitan dokumen/borang-borang pendaftaran?

Anda boleh menghubungi staf/pegawai yang berkaitan di nombor telefon rasmi KPTM Kota Bharu iaitu **09-7462020**.

Berikut adalah nombor sambungan jabatan/unit tersebut:

No	Perkara	Nama Jabatan/Unit	No ext. (sambungan)
1.	Dokumen Pendaftaran Kediaman - Aku Janji Penginapan Kediaman	Unit Kediaman (HEP)	ext. 234/303
2.	Dokumen Pendaftaran & Rekod - SET 1	SPRS	ext. 216/217
3.	Dokumen Pendaftaran Tajaan - SET 2	Unit Tajaan	ext. 213
4.	Dokumen Pendaftaran Kewangan - Surat Akuan Pembiayaan Pelajar	Jabatan Kewangan	ext. 212/273

9) Adakah semua pelajar baharu perlu menghadiri orientasi dan induksi?

Ya, semua pelajar baharu DIWAJIBKAN menghadiri dan mengikuti sepenuhnya orientasi dan induksi pelajar baharu yang dikendalikan oleh **Unit Kaunseling KPTM Kota Bharu**. Sesi orientasi dan induksi berlangsung selama satu (1) hari iaitu pada **18 November 2023**.

10) Adakah pendaftaran saya telah lengkap setelah selesai menghadiri orientasi dan induksi?

Pendaftaran BELUM LENGKAP. Pendaftaran akan lengkap setelah pelajar mendaftar masuk ke sistem SPMP.

Mendaftar masuk ke Sistem SPMP (19 – 22 November 2023) :

Semua pelajar baharu adalah **DIWAJIBKAN** Login ke **Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SPMP)** di pautan <https://smpkb.kptm.edu.my/portal/login.asp> bermula **19 November 2023**.

Login – **Username** : No.ID Pelajar (KBN23*****) , **Password** : No.Kad Pengenalan Pelajar (tanpa '-')
***(Catatan : No.ID pelajar akan DITERIMA oleh pelajar semasa hari lapor diri di kampus pada 17 November 2023)**

Pelajar dikehendaki menukar *password* bagi membuktikan pelajar telah berjaya mendaftar sebagai pelajar KPTM untuk **Sesi November 2023**. Pelajar akan memperolehi email rasmi KPTM (@student.kptm.edu.my) melalui SPMP.

KULIAH

1) Bilakah sesi kuliah akan bermula?

Sesi kuliah secara bersemuka (*face to face*) akan bermula pada **19 November 2023 (Ahad)**.

2) Bagaimanakah saya boleh dapatkan jadual kelas?

Jadual kelas akan dipaparkan di *website* rasmi kolej bermula **18 November 2023**.

3) Berapakah tempoh masa pengajian bagi mengikuti diploma di KPTM Kota Bharu?

Tempoh pengajian bagi mengikuti program diploma di KPTM Kota Bharu adalah selama **2 tahun 4 bulan**.

**Program Diploma Kejururawatan tempoh pengajian 3 tahun.*

4) Bagaimanakah proses pelaksanaan kuliah?

Pelaksanaan kuliah secara bersemuka (*face to face*).

5) Bagaimanakah dengan pendaftaran kursus yang perlu saya ikuti sepanjang tempoh pengajian saya?

Bagi pelajar baharu, pendaftaran kursus akan diuruskan sepenuhnya oleh pihak akademik kolej. Bagi pelajar kanan/lama, pelajar perlu membuat pra-pendaftaran kursus

6) Apakah keperluan lain untuk mengikuti kuliah seperti pembelian buku rujukan dan lain-lain?

Keperluan buku / modul bergantung sepenuhnya kepada pensyarah kursus. Pelajar boleh merujuk kepada pensyarah kursus masing-masing semasa sesi kuliah bermula.

7) Bagaimanakah penyaluran maklumat berkenaan jadual kuliah dan juga peraturan-peraturan akademik kolej?

Pelajar boleh mengakses jadual kuliah dan Buku Peraturan Akademik tersebut bagi tujuan rujukan dan panduan yang akan dimuatnaik di *website* rasmi KPTM Kota Bharu (**kbharu.kptm.edu.my**).